

07 MAY 2002

Mahathir-Pengetahuan/I

PENGETAHUAN PENTING BAGI KESEJAHTERAAN UMAT ISLAM, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan umat Islam mengenai kepentingan pengetahuan dan kemahiran, dan berkata pemerolehan pengetahuan yang menyumbang kepada kesejahteraan ummah merupakan tanggungjawab utama mereka.

Perdana Menteri berkata usaha mendapatkan pengetahuan adalah langkah pertama ke arah memenuhi tuntutan Islam supaya bersedekah dan menggunakan kekayaan mereka untuk kesejahteraan umat Islam dan keperluan mereka untuk mempunyai institusi dan kemudahan bagi melaksanakan kewajipan ibadah dan bukan ibadah umat Islam.

"Dengan kemahiran, kita dapat memperkayakan diri kita dan masyarakat kita. Kita boleh keluarkan barangan dan mencipta barangan, perdagangan dan pengeluaran," katanya semasa menyampaikan ucap tama pada Persidangan Ketujuh Menteri-menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam di sini.

Dr Mahathir mengingatkan umat Islam bahawa mereka adalah ahli pertukangan dan ahli pemikir tetapi sudah lama mereka berhenti daripada meningkatkan pengeluaran dan pemikiran mereka.

Mereka terus bersusah payah mengeluarkan barangan secara manual satu per satu yang tidak dapat membekalkan keperluan untuk lebih enam bilion orang di dunia, kata beliau.

Dr Mahathir berkata memandangkan umat Islam tidak tahu mengeluarkan barangan secara besar-besaran bagi memenuhi permintaan pasaran besar, mereka menjadi miskin dan akhirnya tidak dapat membayar zakat dan bersedekah kepada masyarakat Islam.

Dr Mahathir berkata: "Kita tidak menggunakan apa yang Allah telah kurniakan kepada kita dengan akal dan kekuatan, dan ia nampaknya seperti kita tidak bersyukur dengan apa yang telah Dia limpahkan kepada kita.

"Pada setiap masa, kita berdoa memohon pertolongan Allah tetapi Allah tidak akan menolong kita jika kita sendiri tidak menolong diri kita," kata beliau.

Perdana Menteri berkata jika hari ini hanya segelintir umat Islam yang dapat mengamalkan sedekah dan umat Islam juga sering dikasari dan ditindas oleh musuh-musuh sehingga tidak dapat menunaikan solat, ini adalah kerana umat Islam sendiri cetek pengetahuan dan kemahiran, gagal memperkayakan dan memperkuat negara mereka untuk menentang penindasan musuh.

"Adalah memalukan dan bertentangan dengan ajaran Islam apabila apa yang semua umat Islam dapat lakukan semasa Palestin dibunuh beramai-ramai di Jenin dan tempat lain, ialah hanya dengan merayu simpati dan bantuan pihak lain," katanya dan menambah bahawa jelas umat Islam tidak melakukan apa-apa untuk mengubah ketidakupayaan mereka.

Dr Mahathir berkata umat Islam sendiri harus dipersalahkan jika mereka tidak boleh mengharap amal jariah daripada negara-negara Islam lain yang sama miskin dan turut ditindas.

"Jika kita mahu memenuhi tuntutan Islam supaya kita bersedekah, dengan itu kita harus menggunakan akal dan kekuatan di kalangan kita untuk menyediakan kemudahan bagi melaksanakan kewajipan kita sebagai umat Islam," kata beliau.

Dr Mahathir berkata dengan masjid-masjid harus dibiayai oleh golongan berada selepas mereka membayar zakat dan bersedekah kepada golongan miskin, mereka juga harus membiayai institusi-institusi pengajian, penyelidikan dan pembangunan yang dapat menyumbang kepada kehidupan lebih baik dan kapasiti umat Islam dalam mempertahankan diri mereka.

-- BERNAMA
MFJ MFJ NAK